

22/04/2002

130 ahli Pas di tiga mukim keluar parti

HULU TERENGGANU, Ahad - Seramai 130 ahli dan penyokong Pas di Mukim Tersat, Jenagor serta Hulu Telemong, di sini, mengisytiharkan keluar parti itu dan menyertai Umno, semalam.

Daripada jumlah itu, 110 termasuk 35 wanita adalah ahli Pas lebih 40 tahun, manakala bakinya generasi muda yang sebelum ini menyokong perjuangan Pas.

Mereka keluar Pas secara sukarela dan menyertai Umno apabila pemimpin Pas pada peringkat negeri dan cawangan tidak menunaikan janji sebelum pilihan raya umum lalu.

Ketua kumpulan itu, Ismail Osman, 51, dari Kampung Matang, di sini, berkata beliau bersama beberapa rakannya termasuk Timbalan Ketua Pas cawangan kampung berkenaan, mengambil keputusan keluar parti selepas mendapati pemimpin parti tidak menunaikan janji.

"Ketika berkempen, pemimpin Pas terutamanya Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berjanji membaiki jambatan yang rosak bagi memudahkan penduduk kampung mengeluarkan hasil pertanian," katanya selepas penyerahan borang keahlian Umno kepada Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ismail Said, di sini, malam tadi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Umno Bahagian Hulu Terengganu merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Telemong, Tengku Putera Awang; Adun Ajil, Rosol Wahid dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Kemaman, Ahmad Sabry Chik.

Ismail berkata, selepas memerintah Terengganu lebih dua tahun, janji hanya tinggal janji dan Abdul Hadi serta pemimpin cawangan menghilangkan diri.

"Kami keluar Pas secara sukarela dan tiada imbuhan dijanjikan pemimpin Umno," katanya.

Ibrahim Abdullah, 62, berkata, pembbohongan pemimpin Pas terbukti apabila mereka menaikkan nilai 2.4 hektar tanah yang dibeli dengan harga RM20,000 di daerah Marang ketika Terengganu diperintah Barisan Nasional.

Katanya, Kerajaan Pas Terengganu membuat penilaian tanah dibelinya dengan harga RM20,000 dari seorang penduduk dinaikkan kepada RM50,000 selepas memerintah.

"Apa yang mendukacitakan, kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah Daerah Marang, mengarahkan saya menjelaskan bayaran tukar hak milik RM500.

"Saya diberi tiga hari menjelaskan bayaran itu yang dinaikkan dua kali ganda jika gagal menjelaskannya," katanya.

Bekas Timbalan Pas Cawangan Kampung Matang, Mohamad Jusoh, 60, berkata Pas menghasut rakyat membenci kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pemimpin Pas di Hulu Terengganu menghasut rakyat tidak menerima wang ihsan dengan alasan wang itu haram, tetapi mendesak pengerusi Jawatankuasa Syura Rakyat memohon bantuan itu untuk dimasukkan ke dalam tabung bagi melaksanakan pelbagai kegiatan," katanya yang menjadi ahli Pas sejak 40 tahun lalu.

(END)